

Soros sah ancaman masyarakat dunia

UM 2 2 DEC 2002

JITRA 21 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, hukuman denda 2.2 juta euro (RM8.4 juta) yang dikenakan terhadap George Soros oleh mahkamah Perancis semalam membuktikan penyangak mata wang itu sebenarnya merupakan ancaman kepada masyarakat dunia.

Perdana Menteri berkata, beliau gembira dengan denda yang dikenakan atas kesalahan menjalankan urusan niaga dalaman itu kerana ia menunjukkan Soros bukanlah seorang yang beretika seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak.

“Saya gembira, ia menunjukkan bahawa dia tidak beretika.

“Dulu dia menyatakan saya sebagai ancaman kepada negara saya sendiri tetapi sebenarnya dialah yang menjadi ancaman kepada komuniti dunia,” ujar Perdana Menteri.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri maj-

lis jamuan Hari Raya Aidilfitri Parlimen Kubang Pasu dan merasmikan Dewan Wawasan Kubang Pasu di sini hari ini.

Beliau mengulas hukuman yang dikenakan terhadap Soros di Paris semalam atas kesalahan menggunakan maklumat istimewa untuk membuat spekulasi ke atas pembelian saham bank Perancis, Societe Generale dalam satu langkah pengambil alihan yang gagal pada tahun 1998.

Para pendakwa dalam perbicaraan berkenaan menyatakan denda itu perlu sama jumlahnya dengan keuntungan yang dikatakan diperolehi Soros hasil spekulasi berkenaan.

Soros bersama tiga orang lain didakwa menerima maklumat daripada seorang ahli bank perdagangan, Georges Pebereau, yang pada masa itu sedang berusaha membentuk sebuah konsortium bagi mengambil alih Societe Generale dengan kebenaran kerajaan Perancis.

Peniaga mata wang keturunan Yahudi itu pernah dilabel sebagai penyangak oleh Perdana Menteri pada tahun 1997 kerana menyebabkan kejatuhan sebahagian besar mata wang negara-negara Asia Tenggara termasuk ringgit.

Ringgit jatuh merudum dari paras RM2.50 pada awal 1997 kepada sehingga RM4.88 bagi setiap dolar Amerika Syarikat sejak pertengahan tahun itu hingga akhir 1998.

Malaysia mengalami kemelesetan penuh pada tahun 1998 akibat krisis itu sehinggalah Dr. Mahathir mengambil tindakan drastik mengenakan kawalan modal dan menetapkan nilai ringgit di paras RM3.80 bagi setiap dolar pada 1 September 1998.

Akibat spekulasi dan manipulasi mata wang yang keterlaluan dalam krisis mata wang itu juga, dua negara ASEAN iaitu Thailand dan Indonesia mengalami kemelesetan yang teruk sehingga memaksa kedua-duanya meminta bantuan Dana Kewangan Antarabangsa.